

PENCERAMAH



**Azizah Mohamad,
Saintis**



Azizah Mohamad telah berkhidmat di ABI, NIBM sejak tahun 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (kepujian) Pengurusan Kualiti Makanan (UiTM) dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Makanan (UPM). Pasukan BSF mula berkecimpung dalam bidang penternakan larva Black Soldier Fly (BSF) sejak tahun 2019, dengan mengetuai projek Inovasi Sosial (MySI) bersama Pertubuhan Peladang Kawasan Muar Selatan. Beliau turut aktif menjalankan kerjasama penyelidikan BSF dengan UPM, LADA dan Koperasi Pembangunan Daerah Langkawi Berhad.




**Nurul Ashikin Md Hazmi,
Saintis**

Nurul Ashikin Md Hazmi telah berkhidmat di ABI, NIBM sejak tahun 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan dari UPM dan sedang menyambung pengajian Sarjana dalam Kejuruteraan Makanan di UPM. Pasukan BSF mula berkecimpung dalam bidang penternakan larva Black Soldier Fly (BSF) sejak tahun 2019, melalui projek Inovasi Sosial (MySI) bersama Pertubuhan Peladang Kawasan Muar Selatan.



**Nor Azwan Haniff
Kamarol Zaman,
Saintis**

Nor Azwan Haniff Kamarol Zaman telah berkhidmat di ABI, NIBM sejak tahun 2019. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dari UKM dan sedang menyambung pengajian Sarjana dalam Teknologi Makanan di UPM. Pasukan BSF mula berkecimpung dalam bidang penternakan larva Black Soldier Fly (BSF) sejak tahun 2019, melalui projek Inovasi Sosial (MySI) bersama Pertubuhan Peladang Kawasan Muar Selatan.




KANDUNGAN BENGKEL

- Teori 1 (1 jam): Pengenalan kepada BSF, habitat asal, kitar hidup, faktor pertumbuhan yang optimum.
- Teori 2 (1 jam): Fasiliti penternakan BSF, rekabentuk fasiliti, peralatan & kelengkapan.
- Praktikal (1 ½ jam): Pemprosesan sisa penternakan BSF.

SIAPA PATUT HADIR

- Penternak dan petani
- Pertubuhan atau persatuan pertanian
- Pelajar dan pensyarah kolej komuniti/IPTA/IPTS
- Pusat penyelidikan



BENGGEL PENTERNAKAN ASAS LARVA BLACK SOLDIER FLY



ABI
AGRO-BIOTECHNOLOGY INSTITUTE



NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA
www.nibm.my

**HUBUNGI
KAMI**



+603-89495746/ 5740
stu.abi@nibm.my
Service & Training Unit (STU), ABI, NIBM

Kompleks Institut Agro-Bioteknologi
Malaysia (ABI)
National Institutes of Biotechnology
Malaysia (NIBM)
Jalan Bioteknologi
43400 Serdang Selangor

PROJEK PENTERNAKAN BSF UNTUK KOMUNITI MUAR SELATAN



TENTATIF BENGKEL

Masa	Aktiviti
8.30 pagi – 9.00 pagi	Pendaftaran dan sarapan pagi
9.00 pagi – 10.00 pagi	Teori 1 : Pengenalan kepada BSF, habitat asal, kitar hidup, faktor pertumbuhan yang optimum.
10.00 pagi – 10.30 pagi	Minum pagi
10.30 pagi – 11.30 pagi	Teori 2 : Fasiliti penternakan BSF, rekabentuk fasiliti, peralatan & kelengkapan.
11.30 pagi – 1.00 tengahari	Praktikal : Pemprosesan sisa dan penternakan BSF.

PENGENALAN BSF

Penggunaan larva BSF sebagai sumber protein alternatif dalam makanan haiwan tidak asing lagi negara kita. Malah BSF turut mendapat kelulusan daripada badan regulatori antarabangsa seperti FDA, CFIA dan IPIFF.

Kenaikan harga dedak di pasaran global turut mendorong kepada perkembangan industri BSF. Tidak seperti lalat rumah atau serangga perosak yang lain, BSF tidak membahaya dan tidak menyebarkan penyakit kepada manusia mahupun haiwan lain.

Kelebihan BSF ialah ia mampu menukar semua jenis sisa organik kepada sumber protein dan lemak yang boleh dijadikan sebagai makanan ternakan. Selain itu juga, frass BSF kaya dengan bahan organik yang tinggi dan amat sesuai untuk dijadikan sebagai baja pertanian.

Penternakan larva BSF bukan sahaja dapat memelihara alam sekitar malah mampu menjana pendapatan dengan penhasilan input pertanian tempatan yang mampan.



KITAR HIDUP BSF



BENGKEL PENTERNAKAN BLACK SOLDIER FLY

Tarikh: : 27 September 2022

Lokasi: : Fasiliti BSF
ABI Serdang

Masa: : 8.30 pagi - 1.00 petang

Yuran: : RM 600

